

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	21/08/2017C

Kertas Putih Memali diragui

ALOR SETAR 20

Ogos - Pas Kedah mendesak kerajaan membentuk Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi menyiasat peristiwa hitam Memali yang berlaku kira-kira 32 tahun lalu secara adil dan telus sekaligus mendedahkan kebenaran kepada rakyat di negara ini.

Timbalan Pesuruhjaya Pas negeri, Muhammad Sanusi Md. Nor berkata, penubuhan RCI adalah jalan terbaik untuk membersihkan nama-nama mereka yang tidak bersalah akibat permainan Tun Dr. Mahathir Mohamad ketika memerintah dahulu.

"Sudah lama Pas mendesak RCI ditubuhkan kerana kita meragui Kertas Putih Memali yang dibentangkan kerajaan ketika



**MUHAMMAD SANUSI
MD. NOR**

pentadbiran Mahathir di Parlimen pada 1986.

"Tambahan pula, bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Musa Hitam yang juga Menteri Dalam Negeri ketika kejadian itu telah membuat pelbagai pendedahan termasuk Mahathir sebenarnya masih lagi berada di Kuala Lumpur pada waktu itu dan bukan di China seperti diketahui selama ini.

"Malah, Musa juga ada berkata yang beliau tidak pernah diberi ruang untuk memberi penjelasan tentang kejadian tersebut. Jadi dengan penubuhan RCI ini boleh memberi ruang untuk beliau bercakap benar mengenai tragedi berdarah yang berlaku kira-kira 32 tahun lalu," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

UM - 21/8/2017 Pg. 11